

Pengaruh hubungan intergenerasi ke atas kesejahteraan psikologi penjaga warga tua

ABSTRAK

Penelitian dalam lingkungan persekitaran anak dewasa yang menjaga ibu bapa yang telah berusia 60 tahun dan ke atas secara tidak formal perlu dititikberatkan. Melalui ikatan hubungan di antara anak dewasa dan ibu bapa yang telah berusia ini pastinya mampu membina kesejahteraan keluarga. Namun, apabila cetusan kemajuan pembangunan dan pemodenan yang pesat di negara kita sejak beberapa dekad yang lalu telah menyebabkan struktur keluarga kini kian berubah. Kepesatan ini bukan sahaja memberi kesan kepada hubungan di antara anak dewasa dan ibu bapa yang telah berusia, sekaligus mencetuskan perdebatan mengenai isu yang kompleks seperti hubungan intergenerasi di antara mereka dan seterusnya akan mengganggu kesejahteraan psikologi penjaga atau anak dewasa tersebut. Oleh yang demikian, kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji pengaruh hubungan intergenerasi ke atas kesejahteraan psikologi dalam kalangan penjaga warga tua. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kuantitatif dengan pemilihan sampel secara bertujuan. Cadangan bagi jumlah responden dalam kajian ini adalah seramai 200 orang penjaga di sekitar bandar Kota Kinabalu, Sabah. Alat kajian yang akan digunakan dalam kajian ini ialah The Parent Adult-Child Relationship Questionnaire (PACQ) dan Ryff's Scales Of Psychological Well-being (SPWB). Dijangkakan bahawa hubungan intergenerasi yang baik di antara anak dewasa dan ibu bapa yang telah berusia akan mempengaruhi dan sekaligus meningkatkan kesejahteraan psikologi penjaga warga tua atau anak dewasa ini dan sebaliknya.